

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Pembentangan Ucapan Belanjawan Negara 1998 merupakan agenda penting tahunan negara yang disampaikan secara rasmi untuk makluman seluruh rakyat Malaysia. Ucapan belanjawan seperti ini selalunya sarat dengan data, maklumat, perangkaan, peratusan dan penguatkuasaan yang melibatkan hal-hal kewangan negara. Satu analisis telah dilakukan terhadap teks ucapan tersebut dan mendapati ia bukan sahaja mengandungi banyak data dan maklumat tetapi mempunyai gaya bahasa yang tersendiri. Terdapat penggunaan bahasa kiasan seperti perumpamaan, bidalan, simpulan bahasa, pepatah, personifikasi, kiasan terus dan kiasan berbunga. Dalam konteks kajian, penggunaan bahasa kiasan merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk memberikan kesedaran, peringatan dan kritikan halus kepada anggota masyarakat.

Penggunaan bahasa kiasan yang tepat, mantap dan sesuai dengan matlamat pengucapan bukan sahaja dapat mengelakkan rasa bosan di kalangan pendengar sebaliknya mampu menghidupkan suasana sekaligus membolehkan pendengar menghayati ucapan. Selain daripada itu, nilai-nilai estetika yang terdapat pada bahasa kiasan juga dapat memberikan kekuatan kepada isi kandungan teks ucapan tersebut. Ini secara tidak langsung dapat memartabatkan jati diri bangsa Melayu yang terkenal dengan sifat berhemah, bersopan santun dan sangat berhati-hati ketika

berkomunikasi. Ini sejajar dengan prinsip sebahagian besar masyarakat tradisional yang tidak mahu menyinggung perasaan orang lain.

4.1 Analisis Penggunaan Kiasan Melayu Dalam Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998

Bahasa kiasan dalam Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998 akan dianalisis berdasarkan penggunaan dan kekerapannya iaitu dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji akan menggunakan statistik mudah bagi menghuraikan hasil analisis yang kemudiannya ditunjukkan dalam bentuk jadual, graf, carta dan peratusan. Kaedah kualitatif pula digunakan bagi menghuraikan maksud tersirat dan tersurat yang terkandung dalam kiasan-kiasan tersebut. Dalam konteks kajian, keutamaan akan diberikan kepada mesej, pengajaran, pendidikan, peringatan dan kritikan yang terdapat di dalamnya. Seterusnya, bentuk-bentuk kiasan itu akan dikenal pasti dan kemudiannya diperincikan mengikut kategori seperti di bawah:

- | | | |
|---|---|-----------------|
| 1. putaran kemakmuran | - | kiasan berbunga |
| 2. angin bertiup secara songsang | - | kiasan berbunga |
| 3. berat sama dipikul,
ringan sama dijinjing | - | bidalan |
| 4. tersilap langkah,
antan patah lesong hilang | - | pepatah |
| 5. seperti ayam dimakan tungau | - | perumpamaan |
| 6. kelebihan Nabi dengan mukjizat
kelebihan umat dengan muafakat
bulat air kerana pembentung
bulat manusia kerana muafakat
air melurut dengan bandarnya
benar melurut dengan muafakatnya | - | perbilangan |


- | | | |
|--|---|-----------------|
| 7. saudagar kaya | - | kiasan terus |
| 8. biar papa asal bergaya | - | bidalan |
| 9. umpama ubat yang pahit | - | perumpamaan |
| 10. dunia riuh | - | kiasan berbunga |
| 11. kilat di dalam kilau,
kabus mengandung hujan | - | pepatah |
| 12. bertiup seperti badai | - | perumpamaan |
| 13. badai di pasaran pertukaran asing
mematahkan tiang-tiang bangunan
ekonomi yang kita bina | - | personifikasi |
| 14. dinodai oleh segelintir manusia rakus | - | kiasan berbunga |
| 15. berombak ekonomi kita di benua lain,
tempiasnya sampai ke negara kita | - | perumpamaan |
| 16. memakai pelbagai topeng,
sebentar menyokong,
sekejap membentak,
sekejap menjelma,
kemudian menghilang | - | perumpamaan |
| 17. seperti dedalu api hingga ke pohon kayu,
hingga ke batang,
batangnya mati,
hingga ke ranting,
rantingnya patah | - | perumpamaan |
| 18. ibarat bubuk yang memakan tiang seri
masyarakat dan negara | - | perumpamaan |

**Jadual 3: Analisis Bentuk dan Kategori Bahasa Kiasan
dalam Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998**

Bentuk Bahasa Kiasan	Kategori	Kekerapan	Peratusan %	
1.Kiasan Asal	-	0	0	
2.Kiasan Berpindah	Kiasan Terus	1	5.56	27.78
	Kiasan Berbunga	4	22.22	
3.Kiasan Bentuk Peribahasa	Perumpamaan	7	38.88	
	Bidalan	2	11.11	66.66
	Pepatah	2	11.11	
	Perbilangan	1	5.56	
4.Kiasan Bentuk Bukan Peribahasa	Personifikasi	1	5.56	5.56
	Jumlah	18	100	100


Terdapat 18 kiasan Melayu yang telah dikenal pasti dan ianya terdiri daripada kiasan terus (1), kiasan berbunga (4), perumpamaan (7), bidalan (2), pepatah (2), perbilangan (1) dan personifikasi (1) seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Adalah juga didapati bahawa perumpamaan mempunyai kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 7 kali (38.88%) berbanding kiasan berbunga sebanyak 4 kali (38.88%). Penggunaan bidalan dan pepatah pula masing-masing sebanyak 2 kali atau 11.11%. Manakala kiasan terus, perbilangan dan personifikasi tidak begitu menonjol penggunaannya di mana hanya 1 kali sahaja digunakan iaitu 5.56%. Hal ini akan ditunjukkan dalam graf 2.

Graf 1 : Analisis Bentuk-Bentuk Bahasa Kiasan



Graf 1 di atas menunjukkan bahawa kiasan bentuk peribahasa seperti perumpamaan, bidalan, pepatah dan perbilangan lebih kerap digunakan iaitu sebanyak 66.66% diikuti dengan kiasan berpindah 27.78% manakala kiasan bentuk bukan peribahasa 5.56%. Bentuk kiasan asal tidak digunakan dalam ucapan mungkin kerana ianya tidak menepati kehendak ucapan. Ini ditambah pula dengan sifatnya yang menyebut bandingan secara terus-terang dan ini boleh menyebabkan pendengar merasa kurang selesa. Ini berbeza dengan ciri-ciri yang terdapat pada kiasan bentuk peribahasa yang antara lainnya bertujuan untuk memberikan pengajaran dan teguran.

Graf 2 : Analisis Kategori-Kategori Bahasa Kiasan




Graf 2 di atas menunjukkan peratusan kategori kiasan Melayu berdasarkan kekerapan penggunaannya. Hasil analisis menunjukkan bahawa perumpamaan paling kerap digunakan iaitu sebanyak 38.88%. Ini diikuti dengan kiasan berbunga sebanyak 22.22%, bidalan 11.11% dan pepatah 11.11%. Manakala, kiasan terus, perbilangan dan personifikasi masing-masing digunakan sekali sahaja atau bersamaan dengan 5.56%.

4.1.1 Kiasan Berpindah

Hasil analisis dalam Carta 1 menunjukkan terdapat 5 kali penggunaan kiasan berpindah yang terdiri daripada:

- 1) Kiasan terus (20%) - saudagar kaya
- 2) Kiasan berbunga (80%)
 - putaran kemakmuran
 - angin bertiup secara songsang
 - dunia riuh
 - dinodai oleh segelintir manusia rakus

Carta 1: Analisis Kiasan Berpindah



4.1.1.1 Kiasan Terus

Nampaknya di kalangan saudagar kaya, sukar dipujuk untuk membeli barang tempatan.

(halaman: 8)

Kiasan terus menyatakan mengenai sesuatu benda tetapi rujukan utamanya ialah kepada benda yang lain. Dalam petikan ayat di atas, perkataan “*saudagar kaya*” dikategorikan sebagai kiasan terus kerana ia memperkatakan tentang “*saudagar*” tetapi apa yang sebenarnya hendak dirujuk adalah perkataan “*kaya*”. Kiasan terus ini menggambarkan sikap dan amalan ahli perniagaan atau usahawan yang hidup mewah dan bergaya. Perkataan “*kaya*” menjadi rujukan utama kerana secara tersiratnya ia merupakan satu sindiran dan kritikan pengucap terhadap sikap mereka yang hidup senang-lenang dan mendapat kekayaan dengan mudah berbanding golongan miskin. Golongan kaya ini tidak dapat merasai kepayahan hidup orang lain sebaliknya hanya memikirkan kepuasan dan kehendak hidup mereka.

Dalam konteks kajian, pengucap menggunakan istilah “*saudagar*” untuk mengkritik sikap segelintir ahli perniagaan yang kaya dan sukar dipujuk untuk membeli kenderaan buatan tempatan. Golongan ini memperkecilkan barang buatan tempatan dan menganggap ianya tidak bermutu atau tidak ada ‘*standard*’ serta tidak menepati gaya hidup mereka. Mereka lebih suka membeli kenderaan mewah yang diimport dari luar negeri dan ini menyebabkan import kenderaan mewah bertambah. Negara terpaksa menerima kesan di mana pengaliran Ringgit Malaysia ke luar negara semakin meningkat dan jika ia tidak dibendung, Malaysia akan mengalami

krisis ekonomi. Walau bagaimanapun, golongan saudagar kaya ini tidak mempedulikannya kerana apa yang lebih penting ialah memenuhi kehendak gaya hidup mereka. Oleh yang demikian, kerajaan bercadang meningkatkan duti import kenderaan bermotor terutama jenis mewah bagi mengurangkan import kenderaan mewah.

4.1.1.2 Kiasan berbunga

- (a) *Sebaliknya, kita harus sentiasa waspada khususnya terhadap putaran kemakmuran dan kemelesetan dalam ekonomi.*

(halaman: 1)

Kiasan berbunga ialah kiasan yang menggambarkan sesuatu maksud dengan perkataan yang berbunga sehingga menghasilkan keindahan kepada orang yang mendengarnya. Ianya boleh direka mengikut kebijaksanaan atau kreativiti pengucap itu sendiri. Kiasan yang digunakan ini menggambarkan fenomena biasa dalam kehidupan yang sentiasa ada pasang-surutnya dan tidak berkekalan. Perkataan “putaran” boleh juga merujuk kepada kitaran nasib seseorang yang sentiasa berubah-ubah dan sukar untuk meramalkan kemungkinan yang akan berlaku pada masa hadapan. Penggunaan istilah “putaran kemakmuran” sangat jarang dipakai namun bunyinya kedengaran cukup indah apabila digunakan. Kiasan ini mengandungi unsur nasihat, peringatan dan mesej yang berguna kepada masyarakat mengenai realiti yang berlaku dalam kehidupan.

Dalam konteks ucapan, pengucap mengingatkan masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan tidak alpa dengan kesenangan serta kemakmuran yang dikecapi pada hari ini. Ini kerana kesenangan yang dimiliki boleh bertukar menjadi kesusahan

dalam masa yang singkat apatah lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu. Justeru, masyarakat mestilah mengambil iktibar dari kisah Nabi Yusuf a.w., tentang tujuh tahun kemarau yang melanda Mesir selepas menikmati tujuh tahun subur dan tujuh tahun yang subur dijadikan kesempatan untuk membuat persiapan menghadapi tujuh tahun kemarau. Sehubungan itu, masyarakat Malaysia haruslah sentiasa beringat, berjimat-cermat dan menguruskan perbelanjaan dengan baik sebagai persediaan menghadapi apa jua kemungkinan. Ini bertepatan dengan kiasan Melayu yang berbunyi “*sediakan payung sebelum hujan*” yang bermaksud kita perlu membuat perancangan dan persediaan awal dengan rapi supaya tidak timbul kesulitan pada masa hadapan.

(b) *Tetapi sejak April 1995 angin bertiup secara songsang.*

(halaman: 2)

Kiasan “*angin bertiup secara songsang*” disampaikan dengan tujuan untuk memberikan maklumat tentang keadaan semasa ekonomi dunia. Dalam konteks kajian, ia menggambarkan keadaan ekonomi dan pasaran pertukaran asing yang tidak menentu dan sukar diramalkan. Perkataan “*songsang*” merujuk kepada keadaaan pasaran nilai yen Jepun yang sepatutnya berada dalam keadaan stabil dan merangsangkan namun keadaan yang sebaliknya pula berlaku. Nilai yen Jepun telah jatuh menjunam sebanyak 30.4 peratus berbanding dengan nilai dolar Amerika Syarikat. Ketidakstabilan ekonomi ini dikatakan bermula sejak April 1995 dan seterusnya menghilangkan dorongan bagi Jepun untuk melabur ke luar. Oleh yang demikian, pelaburan Jepun ke Asia Tenggara merosot dan ini membawa kepada defisit akaun semasa yang besar di kebanyakan negara rantau Asia Tenggara.

Akibatnya, sebahagian besar daripada pelabur terpaksa membuat pinjaman luar untuk menampung kemerosotan aliran masuk modal dalam bentuk pelaburan asing langsung.

Menyentuh aspek gaya bahasa pula, ayat “*angin bertiup secara songsang*” bukan sahaja indah tetapi juga memiliki kekuatan yang tersendiri. Penggunaan perkataan “*angin*” dan “*songsang*” mempunyai pertalian yang erat. Jika diteliti, dalam keadaan biasa angin selalunya bertiup sepoi-sepoi bahasa, nyaman dan menyegarkan. Namun apabila ia bertiup dalam keadaan sebaliknya, mungkin boleh membawa kepada fenomena yang tidak diingini seperti ribut, hujan dan sebagainya. Inilah yang cuba digambarkan dalam kiasan di atas iaitu kedudukan pasaran pertukaran asing yang berada di luar jangkaan telah memberikan kesan buruk kepada banyak pihak. Akibatnya, langkah-langkah tertentu terpaksa diambil bagi menampung kemerosotan aliran masuk modal.

(c) *Tatkala dunia riuh dengan krisis mata wang Asia Tenggara...*

(halaman: 23)

Kiasan berbunga “*dunia riuh*” direka menurut kebijaksanaan pengucap bagi menghasilkan keindahan dan memberikan kesan kepada orang yang mendengarnya. Apabila perkataan “*dunia*” dikaitkan dengan “*riuh*” maka impaknya lebih jelas bagi menggambarkan keadaan penduduk dunia yang heboh dan asyik memperkatakan mengenai krisis mata wang di Asia Tenggara. Krisis mata wang ini menjadi isu hangat pada masa kini dan banyak pihak memberikan tindak balas kerana ia memberikan impak yang buruk terhadap dunia perniagaan antarabangsa. Penggunaan perkataan “*riuh*” adalah sangat tepat bagi menggambarkan keadaaan yang terjadi

iaitu heboh dan hangat diperkatakan oleh semua orang. Fenomena ini telah membuktikan bahawa isu ekonomi merupakan agenda dunia yang sangat penting sehingga banyak pihak memberikan saranan dan pandangan bagi mengatasi masalah yang timbul.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut sama menyumbangkan idea bagi mengatasi krisis mata wang yang hangat diperkatakan. Beliau telah menyarankan sama ada menggubal dan melaksanakan peraturan untuk pasaran urus niaga mata wang atau mengharamkan urus niaga tersebut sama sekali. Jika cadangan ini diperhalusi ternyata ia bukan sekadar satu cadangan tetapi mengandungi amaran dan peringatan kepada pihak-pihak tertentu tentang pendirian dan ketegasan Malaysia dalam menghadapi krisis ekonomi dunia.

(d) *Begitu pentingnya pasaran pertukaran asing terhadap kestabilan ekonomi dunia maka kita tidak boleh membiarkannya dinodai oleh segelintir manusia rakus.*

(halaman: 24)

Keberkesanan penggunaan kiasan berbunga “*dinodai oleh segelintir manusia rakus*” cukup jelas bagi menggambarkan sikap manusia yang sanggup melakukan apa sahaja demi mengaut keuntungan peribadi. Perkataan “*dinodai*” dan “*manusia rakus*” mempunyai pertalian yang erat dalam menghuraikan sikap buruk manusia yang tamak, menindas dan menidakkann hak orang lain demi memenuhi kehendak peribadi. Dalam hubungan ini, setiap individu seharusnya menjalankan kegiatan ekonomi dengan jujur dan tidak melakukan penyelewengan. Malangnya, keadaan ini dicemari dan dinodai oleh tabiat buruk sesetengah manusia yang lupa kepada asal-

usul dan budaya mereka yang menganjurkan perbuatan yang baik. Mereka menjadi manusia yang rakus dan sentiasa merebut peluang sehingga sanggup menjatuhkan orang lain. Golongan ini mempunyai sifat yang keji, rendah akhlaknya dan boleh menghancurkan tamadun bangsa.

Dalam konteks kajian, pengucap menegaskan bahawa undang-undang dan peraturan ekonomi perlu diadakan bagi menjamin kestabilan pasaran pertukaran asing dan ekonomi dunia. Sememangnya, hanya undang-undang sahaja yang dapat menegakkan keadilan dan menjatuhkan hukuman yang setimpal kepada mereka yang bersalah. Jika peraturan ekonomi yang tegas tidak diwujudkan, maka akan berlakulah fenomena "*yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin*" sedangkan kestabilan pasaran pertukaran asing adalah sangat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk dunia. Dalam hal ini, negara Barat tidak seharusnya menindas negara-negara kecil dan negara-negara membangun hanya kerana ingin mencapai matlamat mereka. Ini kerana kestabilan ekonomi dunia adalah hak dan milik bersama iaitu saling bergantungan apatah lagi dalam menghadapi era globalisasi. Oleh yang demikian, setiap negara seharusnya mewujudkan kerjasama antarabangsa yang erat dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi sejagat. Pada masa yang sama, setiap peraturan dan dasar-dasar kewangan mestilah dipatuhi supaya setiap pihak mendapat keuntungan tanpa perlu menindas antara satu sama lain.

4.1.2 Kiasan Bentuk Peribahasa


Hasil analisis dalam Carta 2 menunjukkan terdapat 12 kali penggunaan kiasan bentuk peribahasa yang terdiri daripada:

- | | |
|-------------------------|--|
| 1) Perumpamaan (58.33%) | <ul style="list-style-type: none"> - seperti ayam dimakan tungau. - umpama ubat yang pahit. - bertiup seperti badai. - berombak ekonomi kita di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita, - memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma, kemudian menghilang. - seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah. - ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara. |
| 2) Bidalan (16.67%) | <ul style="list-style-type: none"> - berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. - biar papa asal bergaya. |
| 3) Pepatah (16.7%) | <ul style="list-style-type: none"> - tersilap langkah, antan patah lesong hilang. - kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan. |
| 4) Perbilangan (8.33%) | <ul style="list-style-type: none"> - kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya. |

4.1.2 Kiasan Bentuk Peribahasa

Hasil analisis dalam Carta 2 menunjukkan terdapat 12 kali penggunaan kiasan bentuk peribahasa yang terdiri daripada:

- | | |
|-------------------------|--|
| 1) Perumpamaan (58.33%) | <ul style="list-style-type: none"> - seperti ayam dimakan tungau. - umpama ubat yang pahit. - bertiup seperti badai. - berombak ekonomi kita di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita, - memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma, kemudian menghilang. - seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah. - ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara. |
| 2) Bidalan (16.67%) | <ul style="list-style-type: none"> - berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. - biar papa asal bergaya. |
| 3) Pepatah (16.7%) | <ul style="list-style-type: none"> - tersilap langkah, antan patah lesong hilang. - kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan. |
| 4) Perbilangan (8.33%) | <ul style="list-style-type: none"> - kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya. |

Carta 2 : Kiasan Bentuk Peribahasa

4.1.2.1 Perumpamaan

- (a) *Jangan pula kita tersadai dan lemah tak bermaya seperti ayam dimakan tungau.*

(halaman: 5)

Kiasan di atas diklasifikasikan sebagai perumpamaan kerana wujudnya perbandingan keadaan. Perumpamaan ini mengandungi unsur nasihat dan peringatan kepada masyarakat supaya tabah dan cekal menghadapi rintangan. Masyarakat tidak

harus membiarkan diri mereka “tersadai” dan “lemah” iaitu hanya menyerahkan kehidupan kepada nasib. Sebaliknya, mereka mesti terus berusaha, bersemangat mengatur hidup dan berani menghadapi risiko. Justeru, apabila negara berhadapan dengan saat-saat getir seperti kemelesetan ekonomi, rakyat haruslah sama-sama membantu memulihkan ekonomi keluarga sekaligus pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, ramai yang tidak sanggup menghadapi dugaan ini sehingga rela dibelenggu kemiskinan dan inilah yang dikatakan “*seperti ayam dimakan tungau*”.

Dalam konteks kajian, pengucap menempelak dan mengkritik sikap individu yang tidak mahu berusaha untuk memperbaiki sesuatu keadaan. Golongan seperti ini tidak mempunyai kekuatan daya tahan untuk diuji sebaliknya meletakkan kesilapan di atas bahu orang lain. Impaknya sangat buruk bukan sahaja kepada individu tersebut tetapi lama-kelamaan dikhuatiri akan mewujudkan masyarakat Malaysia yang tidak mampu bersaing dan jauh ketinggalan. Justeru, mesej yang cuba disampaikan kepada masyarakat ialah mereka harus membuang sikap buruk tersebut jika ingin melihat kemajuan diri, agama, bangsa dan negara.

(b) ... dasar dan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi prudential standards serta dasar-dasar kewangan adalah *umpama ubat yang pahit*.

(halaman: 11)

Perumpamaan “*umpama ubat yang pahit*” mengandungi unsur-unsur pendidikan dan nasihat kepada masyarakat supaya tabah menghadapi pergolakan ekonomi pada masa tersebut. Kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu

dan memperkenalkan dasar-dasar kewangan bagi meningkatkan ‘*prudential standard*’. Tidak dapat dinafikan bahawa tindakan yang diambil ini akan membebankan rakyat dan cukup berat atau “*pahit*” untuk diterima. Namun, kerajaan yakin keadaan ini bersifat sementara sahaja iaitu dalam usaha memulihkan semula ekonomi negara. Oleh yang demikian, rakyat haruslah menganggap proses ini sebagai satu penawar atau “*ubat*” yang dapat membantu memulihkan ekonomi negara seperti sediakala. Justeru, rakyat mestilah bersabar dan bersatu hati memberikan sokongan kepada usaha-usaha kerajaan.

Rakyat juga perlu sedar bahawa pertumbuhan ekonomi hendaklah didorong oleh peningkatan produktiviti dan bukan oleh pertambahan input modal dan buruh semata-mata. Dalam konteks ini, faktor-faktor pengeluaran negara khususnya modal dan buruh perlu digunakan secara optimum bagi menghasilkan pengeluaran yang tinggi. Justeru, golongan pekerja mesti rajin bekerja, prihatin, toleransi dan berusaha meningkatkan produktiviti masing-masing. Ini bukan sahaja dapat membawa kebaikan kepada syarikat tetapi turut sama membantu meningkatkan pendapatan negara. Hasilnya, rakyat akan dapat mengecapi keuntungan dan hidup dengan lebih selesa.

(c) ... jika pasaran pertukaran asing *bertiup seperti badai*.

(halaman: 23)

Perumpamaan “*bertiup seperti badai*” menggambarkan keadaan yang sedang huru-hara, bergelora dan tidak menentu. Dalam pengertian yang mudah, perkataan “*badai*” merujuk kepada fenomena di lautan iaitu berkait dengan angin, ribut dan taufan. Ini secara tidak langsung turut menjelaskan keadaan atau perasaan

yang tidak tenteram, keributan dan kekacauan. Dalam konteks kajian, ia merujuk kepada perkembangan pasaran pertukaran asing yang tidak menentu dan bergolak ekonominya sehingga menjaskan pasaran negara-negara ASEAN. Ini berikutan daripada perkembangan ekonomi dunia dan kegiatan spekulatif yang berlebihan. Akibatnya, nilai ringgit telah jatuh merudum daripada paras RM2.50 bagi AS\$1.00. Malaysia turut mengalami krisis ini di mana pada 1 Oktober 1997 kadar pertukaran ringgit ialah RM3.40 bagi AS1.00. Ini merupakan satu sejarah tanahair kerana kadar pertukaran ini merupakan paras paling rendah dalam tempoh 27 tahun.

(d) Berombak ekonomi di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita.

(halaman: 25)

Perkataan “*berombak*” dan “*tempiasnya*” mempunyai pertalian yang erat dengan fenomena alam di mana apabila laut berombak kuat maka pasir akan menerima tempiasnya tidak kira sedikit atau banyak. Dalam konteks ucapan, ia menjelaskan tentang perkembangan semasa ekonomi dunia yang sedang tenat akibat daripada krisis mata wang. Pergolakan atau “*berombaknya*” ekonomi dunia turut memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Selain daripada itu, pengucap menjelaskan bahawa era globalisasi telah membuka ruang kepada Malaysia dan seluruh dunia untuk menerima modal serta teknologi luar. Apatah lagi ekonomi Malaysia berkembar dengan ekonomi negara-negara lain. Justeru, Malaysia juga terdedah kepada segala masalah dan kerentahan yang wujud dalam proses globalisasi tersebut. Oleh yang demikian, kita perlulah sentiasa menyesuaikan ekonomi negara dengan apa sahaja keadaan yang berlaku di pasaran antarabangsa. Dalam hal ini,

rakyat Malaysia mestilah meningkatkan daya saing supaya dapat mencapai manfaat sepenuhnya dari perdagangan dunia yang semakin liberal.

- (e) *Mereka ini lazimnya memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang.*

(halaman: 25)

Perumpamaan di atas menggambarkan sikap manusia yang tidak mempunyai pendirian hidup sebaliknya mudah mengikut telunjuk orang lain. Golongan ini suka berpura-pura dan boleh diperalatkan oleh sesiapa sahaja. Oleh yang demikian, masyarakat mestilah sentiasa berhati-hati supaya tidak mudah terpedaya dengan lakonan palsu mereka. Dalam hubungan ini, ayat "...memakai pelbagai topeng" mengandungi peringatan dan amaran kepada masyarakat supaya berhati-hati dengan manusia yang pada zahir kelihatan baik tetapi realitinya mempunyai niat yang jahat. Manakala ayat yang menyatakan, "sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang" menggambarkan sikap manusia yang tidak berpendirian dan takut membuat keputusan sebaliknya lebih suka mengikut rentak orang lain.

Dalam konteks ucapan, pengucap mengkritik sikap sesetengah manusia yang tidak mempunyai hala tuju dalam menyertai sesebuah parti politik. Golongan ini mempunyai pendirian yang goyah dan mudah berubah kepada parti lain. Ada masanya mereka menyatakan sokongan terhadap kerajaan dan ada ketikanya pula mereka menentang bagaikan seorang musuh. Sememangnya, golongan yang tidak berpendirian dan berpura-pura ini bukanlah golongan yang taat setia sebaliknya sentiasa menunggu peluang untuk menjatuhkan orang lain. Oleh yang demikian,

masyarakat Malaysia mestilah peka terhadap matlamat dan objektif kerajaan agar anasir-anasir jahat ini tidak dapat mengambil kesempatan untuk meruntuhkan kerajaan yang sedia ada.

- (f) *Mereka bergentayangan di kalangan masyarakat seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah.*

(halaman: 25)

Perumpamaan di atas menerapkan unsur-unsur nasihat, peringatan, amaran dan sindiran tajam kepada anggota masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan orang-orang yang jahat. Ini kerana orang yang jahat apabila berhimpun dengan orang yang baik-baik maka binasalah orang yang baik-baik itu. Oleh yang demikian, setiap orang mestilah menjauhkan diri dengan individu yang bertujuan untuk memperalatkan orang lain demi memenuhi keuntungan peribadi. Golongan jahat ini bolehlah diibaratkan “*seperti dedalu api*” iaitu anasir-anasir luar yang sanggup memecahbelahkan masyarakat dan menggugat kestabilan agama, ekonomi dan politik negara. Dalam hubungan ini, rakyat mestilah sentiasa berwaspada dan berhati-hati dengan niat buruk golongan tersebut supaya tidak mudah dipengaruhi.

Perumpamaan “*Seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah*” merupakan perumpamaan yang menyebut perbandingan menggunakan kata “*seperti*”. Selain itu, kiasan ini juga memperlihatkan adanya sifat dan nilai yang sama antara orang yang jahat dengan dedalu api walaupun kelas kata kedua-duanya itu “manusia” dengan “tumbuhan” adalah berbeza. Perkataan “*api*” boleh juga dikaitkan dengan

kemarahan, dendam, perasaan yang tidak baik dan sebagainya. Oleh yang demikian, perumpamaan di atas sangat sesuai digunakan bagi menggambarkan sikap buruk manusia yang tidak bermoral dan rosak akhlaknya.

- (g) *Rasuah adalah ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara.*

(halaman: 25)

Isu mengenai rasuah bukanlah suatu perkara baru dalam masyarakat bahkan ia sudah menjadi budaya kepada mereka yang mengamalkannya. Dalam hal ini, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memerangi perbuatan keji dan tidak bermoral ini. Slogan “Bersih, Cekap dan Amanah” membuktikan betapa seriusnya kerajaan untuk membasmi rasuah sekaligus meminta rakyat supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Justeru, sikap bersih, cekap dan amanah mestilah menjadi amalan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Perumpamaan “*ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara*” dicipta bagi menggambarkan betapa hebatnya kesan dan risiko yang akan dihadapi oleh negara jika amalan rasuah tidak berjaya dibendung. Ini bermakna, amalan menerima rasuah bukan sahaja bertentangan dengan norma-norma kehidupan sebaliknya boleh merosakkan individu, kumpulan, organisasi, masyarakat dan negara. Akibatnya, rasuah boleh menjatuhkan martabat bangsa dan menghancurkan negara. Ini bertentangan sama sekali dengan hasrat kerajaan untuk memiliki masyarakat yang penyayang, berdaya saing dan berkeperibadian tinggi menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menegaskan bahawa amalan menerima rasuah mestilah dihapuskan sebaliknya nilai-nilai murni

hendaklah menjadi pegangan hidup rakyat Malaysia. Sememangnya, amalan menerima rasuah adalah bertentangan dengan budaya orang Timur yang terkenal dengan keperibadian yang baik. Dalam konteks ucapan, pengucap menyelar sikap individu yang gemar menyogok dan menerima rasuah demi kepentingan dan keuntungan peribadi mereka. Golongan ini mempunyai perasaan tamak haloba dan tidak sanggup berusaha untuk mendapatkan sesuatu sebaliknya mahu mendapat keuntungan dalam tempoh yang singkat. Manakala, orang yang menerima rasuah pula merupakan golongan manusia yang mudah ‘dibeli’ iaitu sanggup mengetepikan kejujuran demi memenuhi nafsu dan kehendak mereka. Golongan ini mempunyai pendirian yang tidak kuat, mementingkan diri sendiri dan tidak mempunyai semangat cintakan bangsa dan tanahair.

Menyedari kesan buruk gejala rasuah terhadap negara maka, undang-undang pencegahan rasuah yang telah dikemaskini menetapkan kesalahan rasuah bukan sahaja kepada penerima tetapi juga kepada pemberi rasuah. Undang-undang tersebut juga memberi kuasa yang lebih luas kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk melakukan penyiasatan yang lebih telus dan terperinci. Kerajaan juga berharap melalui peruntukan kewangan yang lebih besar, BPR akan dapat bergerak dengan lebih cergas bagi membanteras rasuah sehingga ke akar umbi. Dalam hal ini, setiap individu mestilah memberikan kerjasama kepada BPR untuk mengenal pasti golongan yang menerima rasuah sekaligus membawa mereka ke muka pengadilan. Selain itu, masyarakat juga harus membentuk daya ketahanan diri yang kuat dalam usaha menghindarkan diri daripada gejala memberi atau menerima rasuah.

4.1.2.2 Bidalan

(a) *Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing..*

(halaman: 4)

Kiasan Melayu di atas sudah tidak asing lagi bahkan ia seringkali menjadi sebutan di bibir masyarakat. Kiasan jenis bidalan ini mempunyai unsur-unsur pengajaran dan pendidikan yang kuat di mana ia menggambarkan kehidupan tolong-menolong, bantu-membantu dan tidak mementingkan diri sendiri. Nilai-nilai hidup yang murni ini seharusnya menjadi amalan dalam segala aspek kehidupan. Bertepatan dengan mesej yang terdapat dalam kiasan itu, pengucap menegaskan bahawa rakyat Malaysia mestilah tabah dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan termasuklah kemelesetan ekonomi. Rakyat haruslah peka terhadap dasar kerajaan dan sama-sama memikul tanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara. Tidak dapat dinafikan bahawa kemelesetan ekonomi telah menimbulkan banyak kesulitan namun kesulitan ini haruslah diatasi bersama-sama dan inilah yang dimaksudkan dengan “*berat sama dipikul*”. Manakala usaha yang berterusan dan saling bantu-membantu pasti akan membawa hasil. Justeru, tugas yang berat akan menjadi lebih mudah dan kesenangan ini akan dinikmati oleh semua pihak dan inilah yang dimaksudkan dengan “*ringan sama dijinjing*”. Dalam menghadapi era globalisasi, kita tidak boleh terlalu mementingkan kesejahteraan material semata-mata. Di sebaliknya, rakyat Malaysia harus mengamalkan budaya hidup bermasyarakat dan perkongsian bersama bagi menjamin kemakmuran negara.

(b) *Biar papa asal bergaya.*

(halaman: 11)

Bidalan “*biar papa asal bergaya*” mengandungi unsur-unsur nasihat, pengajaran, sindiran dan kritikan yang kuat. Bidalan ini secara tersuratnya mengaitkan dua perkara yang berlawanan iaitu “*papa*” dan “*bergaya*”. Ia menggambarkan tentang sikap buruk manusia yang sanggup hidup susah asalkan gaya hidupnya mewah dan mempunyai status tinggi walaupun di luar kemampuannya. Kiasan ini turut menyelar sikap manusia yang tidak tahu mengukur kemampuan diri sendiri sehingga sanggup berhutang dan bergadai semata-mata kerana ingin bergaya. Golongan seperti ini mudah lupa diri dan lebih mementingkan kepuasan dan tuntutan nafsu mereka. Akibatnya, mereka menerima padah dan hidup merana kerana tidak mampu untuk membayar hutang.

Dalam konteks kajian, pengucap menekankan tentang perlunya pengawalan perbelanjaan kredit yang berlebihan terutamanya di kalangan mereka yang gemar menukar kereta. Menurut pengucap, pengguna kredit kadang-kala mengamalkan konsep “*biar papa asal bergaya*” sehingga menjerat diri sendiri. Bagi mengatasi hal ini, had kredit bagi sewa beli kereta penumpang akan dikuncupkan daripada 75 peratus kepada 70 peratus dan tempoh pembayaran balik tidak melebihi lima tahun. Ini dapat memberikan peringatan kepada mereka yang suka berbelanja di luar kemampuan supaya lebih bijak mengatur perbelanjaan hidup.

Bidalan “*biar papa asal bergaya*” turut memberikan nasihat dan pengajaran kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati ketika berbelanja. Masyarakat mestilah bijak merancang perbelanjaan sehari-hari mereka dan mengamalkan sikap menabung untuk kepentingan masa depan diri dan keluarga.

4.1.2.3. Pepatah

(a) *Tersilap langkah, antan patah lesong hilang.*

(halaman: 5)

Pepatah merupakan salah satu kiasan Melayu bentuk peribahasa yang biasanya digunakan untuk mematahkan kata-kata atau hujah orang lain. Walau bagaimanapun, pepatah banyak menerapkan unsur pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati dalam mengatur hidup. Dalam kiasan “*tersilap langkah, antan patah lesong hilang*” mengandungi maksud tersirat yang menggambarkan nasib malang atau kemalangan yang bertimpa-timpa. Ini secara tidak langsung menunjukkan perkaitan di antara “*antan patah*” dan “*lesong hilang*” atau dalam erti kata yang lain sudahlah antahnya patah kemudian ditimpa lagi nasib malang apabila lesungnya pula turut hilang.

Dalam konteks kajian, pengucap menjelaskan bahawa ekonomi Malaysia sedang berada di persimpangan jalan kerana pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak merangsangkan. Walau bagaimanapun, pengucap memberikan peringatan agar semua pihak tidak terburu-buru dalam membuat keputusan. Jika kita tersilap langkah dalam membuat keputusan, kesannya menjadi lebih buruk di mana kita bukan sahaja berhadapan dengan ekonomi yang tidak merangsangkan bahkan akan menimbulkan masalah-masalah lain. Dalam hal ini, rakyat mestilah sabar, cekal dan berdisiplin dalam menghadapi saat-saat genting tersebut. Ini dapat memberikan lebih peluang kepada kerajaan untuk merangka dasar dan strategi-strategi ekonomi. Ini penting supaya pihak lain tidak mengambil kesempatan menelah atau mengandaikan tentang perkara-perkara yang buruk.

(b) *Kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan.*

(halaman: 23)

Pepatah “*kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan*” bermaksud dalam tutur kata atau tingkah laku seseorang itu terkandung maksud yang lain. Pengucap menggunakan pepatah ini bagi merujuk kepada kata-kata yang pernah diucapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika Asia Tenggara berhadapan dengan krisis mata wang. Pada waktu itu, Perdana Menteri telah memberikan kata dua iaitu menggubal dan melaksanakan peraturan untuk pasaran urus niaga mata wang atau mengharamkan urus niaga tersebut sama sekali. Kata-kata yang diucapkan ini mempunyai maksud tersirat iaitu sebagai amaran dan peringatan kepada pihak luar tentang pendirian Malaysia dalam menghadapi krisis ekonomi dunia. Dalam hal ini, rakyat harus bijak untuk menelah cadangan Perdana Menteri.

Pengucap menjelaskan bahawa selama ini Bank Dunia dan IMF (*International Manitery Fund*) sentiasa menggesa negara-negara membangun melaksanakan reformasi dan liberalisasi ekonomi. Malaysia merupakan negara membangun yang paling progresif dalam melaksanakan reformasi dan liberalisasi kerana liberalisasi membawa banyak manfaat. Walau bagaimanapun, ia juga mendedahkan ekonomi Malaysia kepada pasaran antarabangsa yang tidak stabil. Pengucap seterusnya merujuk kepada fenomena dua dekad yang lalu di mana Malaysia masih lagi negara pengeksport komoditi pertanian seperti getah dan kelapa sawit. Pada waktu itu, Malaysia sering menjadi mangsa kepada ketidaktentuan harga keluaran pertanian di bursa-bursa komoditi antarabangsa. Kini, apabila negara telah

mempelbagaikan keluarannya, keadaan terus tidak menentu akibat pasaran pertukaran asing yang tidak stabil.

4.1.2.4. Perbilangan

*Kelebihan Nabi dengan mukjizat,
Kelebihan umat dengan muafakat,
Bulat air kerana pembentung,
Bulat manusia kerana muafakat,
Air melurut dengan bandarnya,
Benar melurut dengan muafakatnya.*

(halaman: 5)


Kiasan di atas berbentuk peribahasa dan diklasifikasikan sebagai kiasan jenis perbilangan adat. Kiasan ini memberikan gambaran tentang kehidupan manusia yang memerlukan kerjasama, bersatu hati dan bertolak ansur dalam semua perkara. Ini kerana manusia tidak boleh hidup bersendirian sebaliknya saling bergantungan antara satu sama lain. Masyarakat harus sedar bahawa kemajuan dan ketinggian tamadun bangsa hanya dapat dicapai melalui kerjasama dan perpaduan yang erat. Justeru, kiasan ini memberikan pendidikan dan peringatan kepada masyarakat bahawa kejayaan sesebuah negara itu bergantung kepada kesepakatan dan persetujuan rakyat untuk memajukan negara. Dalam konteks ucapan, para pemimpin, rakyat, sektor awam dan sektor swasta perlu memainkan peranan dan berganding bahu untuk merangsangkan ekonomi Malaysia. Dalam hal ini, kita haruslah berusaha memantapkan ekonomi makro terutamanya daripada segi imbangan pembayaran, kadar inflasi dan kestabilan kewangan kerajaan serta swasta. Sekiranya, semua pihak bermuafakat dan bersatu hati maka negara akan mendapat lebih banyak kejayaan khususnya dalam bidang ekonomi.

4.1.3 Kiasan Bentuk Bukan Peribahasa

Hasil analisis dalam Carta 3 menunjukkan terdapat 1 kali penggunaan kiasan bentuk bukan peribahasa yang terdiri daripada:

- 1) Personifikasi (100%) - badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina

Carta 3 : Kiasan Bentuk Bukan Peribahasa



4.1.3.1 Personifikasi

Kita dan negara-negara ASEAN menjadi saksi bagaimana *badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina.*

(halaman: 23)

Personifikasi merupakan satu unsur dalam kesusasteraan yang menggunakan kiasan untuk memberikan sifat-sifat manusia sama ada dari segi perasaan, perwatakan mahupun tindak-tanduk kepada binatang, objek-objek mati, idea atau hal-hal yang lebih abstrak. Kiasan ini digunakan mungkin dengan tujuan untuk menguatkan kesan makna. Namun ia tidak bertujuan untuk menanamkan rasa percaya kepada pendengar atau pembaca. Walau bagaimanapun, personifikasi mempunyai daya tarikan dan nilai estetika yang tersendiri.

Kiasan “*badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina*” memperlihatkan ciri-ciri kemanusiaan walaupun idea yang disampaikan itu bersifat abstrak. Dalam hubungan ini, “*badai*” yang selalunya dikaitkan dengan taufan atau angin ribut boleh juga diterjemahkan sebagai perasaan atau fikiran yang sedang kacau. Dalam konteks kajian, istilah “*badai*” membawa maksud pergolakan, pergeseran dan kekacauan. Justeru, keadaan yang tidak harmoni ini telah memberikan kesan yang buruk kepada kehidupan. Dalam kajian ini, kesan buruk yang dimaksudkan itu ialah mengakibatkan tiang-tiang bangunan ekonomi atau asas-asas kekuatan ekonomi negara mengalami kejatuhan. Perkataan “*mematahkan*” merupakan kata kerja dalam struktur bahasa dan aktiviti “*mematahkan*” selalunya melibatkan manusia atau haiwan. Oleh yang demikian,

adalah mustahil “*badai*” yang selalunya dikaitkan dengan lautan boleh mematahkan tiang- tiang bangunan ekonomi yang secara tersuratnya tidak mungkin wujud.

Dalam konteks ucapan, kiasan yang digunakan oleh pengucap menggambarkan bagaimana pasaran pertukaran asing yang tidak menentu telah mengganggu kestabilan ekonomi negara-negara ASEAN dan negara-negara membangun. Walaupun, negara-negara ASEAN seperti Malaysia telah berjaya merancang program menstabilkan ekonomi makro namun pergolakan dan pergeseran dalam pasaran pertukaran asing telah mengakibatkan ia jatuh merudum sehingga turut menggugat kestabilan ekonomi Malaysia. Justeru, inilah yang dimaksudkan dengan “*bagaimana badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina*”. Secara tersiratnya, kiasan ini menjelaskan keadaan ekonomi Malaysia yang sedang bergolak dan berada pada tahap yang membimbangkan. Kestabilan ekonomi yang terkawal akhirnya bertukar menjadi tidak menentu hanya kerana krisis pasaran pertukaran asing. Akibatnya, ada di antara program-program kewangan yang dijalankan terpaksa dihentikan atau dirombak semula untuk disesuaikan dengan pasaran pertukaran asing.

4.2 Strategi Penggunaan Kiasan Melayu dalam Teks Ucapan

Ucapan Belanjawan Negara 1998 merupakan satu agenda penting negara yang dipancarkan secara langsung di media elektronik. Ucapan ini menggariskan beberapa matlamat dan objektif yang ingin dicapai bagi merealisasikan belanjawan tersebut. Walau bagaimanapun, ucapan ini tidak dikhkususkan kepada mana-mana golongan tetapi ia bersifat umum dan terbuka. Justeru, perhatian dan tumpuan ucapan ditujukan kepada semua lapisan masyarakat atau rakyat Malaysia. Memandangkan ucapan ini sarat dengan pelbagai maklumat, fakta, saranan dan harapan maka ia perlulah disampaikan dengan cara yang lebih bijaksana. Pendekatan yang digunakan haruslah berbeza daripada pendekatan yang digunakan dalam ucapan-ucapan biasa. Justeru, pendekatan yang sesuai, berhemah harus digunakan kerana ia bukan sahaja dapat memantapkan isi kandungan ucapan tetapi mampu memikat pendengar. Selain itu, ia juga dapat mengekalkan tumpuan, mengelakkan rasa bosan dan meredakan tekanan.

Bidang etnografi komunikasi turut menekankan komponen-komponen komunikasi yang mesti dipatuhi oleh pengucap. Ini termasuklah mengkaji tujuan sesuatu ucapan, kandungan mesej, peraturan interaksi dan norma-norma interpretasi. Dalam hubungan ini, ucapan belanjawan negara merupakan agenda yang istimewa dan tersendiri kerana ia bukan sahaja bertujuan untuk merangsang ekonomi negara tetapi boleh juga dimanipulasikan untuk mencapai tujuan-tujuan lain. Hasil analisis menunjukkan bahawa objektif dan matlamat ucapan telah disampaikan melalui bahasa dengan jelas. Walau bagaimanapun, terdapat maksud tersirat di sebalik bahasa yang digunakan. Ini bermakna, dalam keadaan-keadaan tertentu pengucap berusaha menyampaikan hasrat dan isi hatinya tetapi secara berselindung dan tidak

berterus-terang. Hal ini berlaku mungkin kerana pengucap mempunyai andaian bahawa adalah lebih manis dan sesuai jika perkara tersebut disampaikan secara halus supaya tidak menyinggung perasaan rakyat. Berikut itu, pengucap telah menggunakan bahasa kiasan seperti perumpamaan, bidalan dan pepatah untuk menyempurnakan maksudnya.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kiasan Melayu dalam ucapan tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebaliknya pengucap mempunyai tujuan-tujuan tersembunyi di sebalik penggunaan bahasa tersebut. Dalam hubungan ini, kiasan Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa sindiran tetapi penggunaannya dalam bidang pengucapan awam merupakan satu strategi komunikasi yang berkesan. Walaupun, kebanyakan maksud boleh disampaikan kepada pendengar secara berterus-terang namun kadangkala penggunaan bahasa tidak terus seperti kiasan Melayu dilihat lebih berkemampuan untuk menyampaikan maksud berbanding bahasa terus. Hasil kajian mendapati penggunaan kiasan Melayu dalam ucapan merupakan satu strategi untuk mencapai perkara-perkara berikut:

- Memujuk
- Meminta simpati
- Menasihati
- Mempengaruhi
- Meyakinkan
- Memberi peringatan
- Menempelak
- Mengkritik

4.2.1 Memujuk

Daya pujukan yang tinggi memainkan peranan penting dalam bidang pengucapan awam kerana ia dapat menambat emosi dan sensitiviti pendengar. Dalam hubungan ini, penggunaan kiasan Melayu merupakan satu strategi yang digunakan untuk memujuk rakyat supaya lebih peka, memahami dan menghayati matlamat serta objektif ucapan. Elemen pujukan diterapkan dalam bahasa kiasan bagi merapatkan jurang psikologi di antara pengucap dan pendengar. Dalam konteks kajian, perumpamaan “*umpama ubat yang pahit*” digunakan sebagai satu strategi untuk memujuk rakyat supaya sentiasa sabar, tabah dan cekal menghadapi pergolakan ekonomi dunia. Perumpamaan tersebut secara tidak langsung dikatakan mempunyai kuasa untuk meredakan tekanan dan gangguan emosi yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada krisis ekonomi. Pada masa yang sama, kerajaan dapat memujuk rakyat supaya menerima dasar-dasar pemuliharaan ekonomi yang disarankan sebagai satu penawar atau “*ubat*” yang dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

Perumpamaan “*umpama ubat yang pahit*” sangat sesuai digunakan untuk memujuk rakyat kerana ia relevan dengan kehidupan masyarakat yang menganggap “*ubat*” sebagai penawar mujarab untuk menghilangkan kesakitan, ketegangan dan sebagainya. Justeru, apabila dasar-dasar pemuliharaan ekonomi dikaitkan sebagai “*ubat*” yang dapat menyelesaikan krisis ekonomi maka keberkesanannya terhadap rakyat lebih ketara. Walaupun, pelaksanaan dasar-dasar pemuliharaan ekonomi ini nanti akan memberikan kesulitan atau “*pahit*” untuk diterima namun kesukaran ini bersifat sementara waktu sahaja. Daya pujukan yang tinggi dalam perumpamaan ini secara tidak langsung dapat memberikan semangat dan kekuatan kepada rakyat.

4.2.2 Meminta Simpati

Perasaan simpati jika dilahirkan secara positif boleh mengubah fikiran dan tindak-tanduk seseorang itu. Dalam hal ini, elemen simpati dapat dicetuskan melalui pemilihan kata-kata yang sesuai dan disampaikan melalui bahasa kiasan. Dalam konteks kajian, kiasan Melayu berbentuk perumpamaan digunakan untuk memberikan gambaran keadaan atau peristiwa yang berlaku dan di sebalik bahasa tersebut tersembunyi harapan pengucap yang mengharapkan rasa simpati dan pengertian daripada rakyat. Perumpamaan, “*bertiup seperti badai*” cuba memberikan gambaran kepada rakyat bahawa negara sedang mengalami krisis ekonomi yang hebat berikutan daripada pasaran pertukaran asing yang tidak menentu. Perkataan “*badai*” dipilih bagi dihubungkaitkan dengan situasi ekonomi semasa yang sedang tenat, huru-hara, bergelora dan tidak menentu.

Perumpamaan yang digunakan oleh pengucap telah dapat memberikan gambaran yang sewajarnya terhadap kedudukan ekonomi negara. Ini ditambah pula dengan fakta dan perangkaan yang digunakan oleh pengucap yang menjelaskan bahawa nilai ringgit telah jatuh merudum daripada paras RM2.50 bagi AS\$1.00. Kadar pertukaran ini merupakan sejarah pahit negara kerana ia merupakan paras paling rendah dalam tempoh 27 tahun. Justeru, mesej yang digarapkan dalam kiasan tersebut dan ditambah pula dengan keterangan fakta akan membolehkan rakyat menyelami fenomena yang berlaku dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, ia dapat mencetuskan rasa simpati terhadap tugas dan bebanan yang dipikul oleh kerajaan dalam usaha membangunkan semula ekonomi negara. Ini seterusnya akan mendorong rakyat untuk menghulurkan bantuan, kerjasama dan idea yang berterusan.

4.2.3 Menasihati

Bahasa kiasan boleh juga digunakan sebagai satu strategi untuk menasihati rakyat sekaligus mencetuskan kesedaran dalam diri supaya mengamalkan gaya hidup positif. Dalam hubungan ini, pengucap telah menunjukkan kebijaksanaannya apabila menyelitkan kiasan Melayu berbentuk bidalan dan kata perbilangan dalam ucapannya yang terbuka. Penggunaan bidalan “*berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*” merupakan salah satu bidalan yang tidak asing lagi di kalangan rakyat. Bidalan ini secara tersiratnya menasihati rakyat supaya tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya mestilah sentiasa bekerjasama, hormat-menghormati, toleransi dan bermuafakat. Begitu juga dengan kata perbilangan “*kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya*” juga bertujuan untuk menasihati rakyat supaya menjalankan hubungan yang erat sesama anggota masyarakat.

Fakta agama yang dikemukakan iaitu “*kelebihan Nabi dengan mukjizat*” didapati sangat sesuai digunakan untuk menerapkan elemen-elemen positif dalam diri individu seperti bertimbang rasa, jujur, bertanggungjawab, penyayang dan sebagainya. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam bidalan dan kata perbilangan ini seharusnya menjadi amalan dalam usaha mewujudkan keamanan dan keharmonian yang berterusan. Selain itu, ia juga merupakan strategi komunikasi yang membolehkan pengucap menyampaikan hasrat tersiratnya iaitu mengharapkan agar rakyat dapat bersama-sama kerajaan memikul tanggungjawab untuk memulihkan ekonomi negara. Ini bersesuaian dengan mesej di sebalik bahasa kiasan yang

digunakan iaitu menekankan budaya perkongsian bersama tidak kira susah maupun senang.

Selain itu, pepatah “*tersilap langkah, antan patah lesong hilang*” turut digunakan untuk menasihati rakyat supaya tidak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Ini kerana ia bukan sahaja boleh menimbulkan kesulitan tetapi akan membawa padah yang lebih buruk. Pemilihan perkataan seperti “*antan patah*” dan “*lesong hilang*” mempunyai pertalian yang erat bagi menggambarkan kesan daripada tindakan yang terburu-buru. Mesej yang ingin disampaikan dalam kiasan ini ialah tentang kemalangan yang bertimpa-timpa akibat daripada sikap manusia yang tidak teliti, cuai, tergesa-gesa dan sebagainya. Akibatnya, satu kesilapan yang dilakukan telah membawa kepada masalah-masalah lain yang akan memburukkan lagi keadaan. Inilah yang dimaksudkan dengan pepatah yang digunakan iaitu bukan sahaja antannya yang patah tetapi lesongnya turut hilang. Oleh yang demikian, pengucap cuba menyampaikan maksudnya di sebalik kiasan yang digunakan iaitu menyelitkan unsur nasihat kepada rakyat supaya berfikir dengan bijaksana, sabar, rasional dan teliti dalam membuat pertimbangan.

4.2.4 Mempengaruhi

Penggunaan kiasan Melayu merupakan satu strategi yang boleh mempengaruhi fikiran di mana pengucap mengharapkan di sebalik bahasa yang digunakan itu dapat mencetuskan reaksi dan tindak balas yang positif daripada pendengar. Misalnya, perumpamaan “*ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara*” bukan sahaja indah daripada sudut bahasanya bahkan mempunyai mesej yang kuat. Dalam hubungan ini, pengucap menggunakan kiasan

tersebut untuk mempengaruhi fikiran rakyat supaya mengubah sikap dan menolak sama sekali amalan memberi dan menerima rasuah. Sebaliknya, mereka harus mengutamakan kejujuran dan keikhlasan dalam setiap perkara yang dilakukan. Perkataan “*bubuk*”, “*memakan*” dan “*tiang seri*” mempunyai pertalian yang erat untuk menggambarkan risiko dan kesan buruk yang akan dihadapi oleh negara jika rasuah tidak berjaya dibendung. Rasuah boleh mengakibatkan kemusnahan dan keruntuhan tamadun bangsa dan negara. Pemilihan bahasa kiasan yang indah dan mesej di sebalik kiasan tersebut menarik perhatian pendengar sekaligus dapat mempengaruhi fikiran mereka supaya memerangi gejala rasuah.

Penggunaan kiasan yang bertujuan untuk mempengaruhi fikiran pendengar boleh juga dikaitkan dengan fenomena komunikasi tanpa kata yang terdapat dalam komponen komunikasi. Komunikasi tanpa kata atau bahasa ini melibatkan pergerakan fizikal khususnya mimik muka yang ada kaitan dengan emosi pendengar. Dalam hubungan ini, penggunaan kiasan Melayu yang mempunyai nilai estetika dan maksud yang tajam boleh memberikan kesan kepada pendengar supaya berfikir dan melakukan penilaian ke atas ucapan tersebut. Justeru, apa yang boleh diperhatikan ialah keadaan senyap dan sunyi yang mempunyai fungsi komunikasi tertentu seperti menyatakan persetujuan atau pertentangan. Terdapat juga pergerakan fizikal seperti mimik muka dan anggukan kepala yang secara tidak langsung menandakan reaksi positif daripada pendengar terhadap ucapan tersebut. Ini bermakna, di sebalik bahasa kiasan itu sudah sedia ada satu kuasa yang boleh mempengaruhi pendengar untuk mengubah sikap, menyokong dan sebagainya. Walau bagaimanapun, keberkesanan kuasa yang terdapat di sebalik bahasa kiasan itu turut bergantung kepada kredibiliti dan imej pengucap. Dalam konteks kajian, pengucap merupakan pemimpin ternama

dan mempunyai pengaruh yang ramai. Justeru, beliau berupaya untuk merealisasikan kuasa yang ada di sebalik kiasan iaitu mempengaruhi pendengar agar memberikan reaksi yang positif.

4.2.5 Meyakinkan

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kiasan “*berombak ekonomi di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita*” bukan sekadar ingin menggambarkan pergolakan ekonomi dunia yang turut dirasai oleh negara Malaysia. Apa yang lebih penting ialah tujuan di sebalik bahasa kiasan tersebut iaitu hendak menyakinkan rakyat bahawa fenomena dunia tanpa sempadan atau globalisasi secara tidak langsung telah mendedahkan seluruh negara kepada ancaman pasaran pertukaran asing yang jatuh merudum. Ini ditambah pula dengan keadaan ekonomi Malaysia yang berkembar dengan ekonomi negara-negara lain. Justeru, Malaysia tidak dapat mengelak daripada menerima kesannya namun tindakan dan langkah-langkah segera perlu dilakukan untuk mengatasi masalah yang timbul.

Pemilihan perkataan “*berombak*” dan “*tempias*” mempunyai kekuatan tersendiri yang dihasilkan daripada pengamatan terhadap alam sekitar. Inilah kekayaan yang terdapat dalam kiasan Melayu yang mampu mengungkap fenomena alam untuk dikaitkan dengan kehidupan manusia. Secara mudahnya, apabila laut berombak maka pantai akan menerima tempiasnya. Begitulah juga dengan kedudukan ekonomi negara iaitu sama ada sedikit atau banyak kita terpaksa menerima hakikat bahawa krisis ekonomi antarabangsa tetap akan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Justeru, penggunaan kiasan ini dilihat cukup bertenaga dan tersendiri dalam menimbulkan kesan percaya dan memberi keyakinan kepada

rakyat bahawa ekonomi Malaysia perlu disesuaikan dengan apa sahaja keadaan yang berlaku di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia dapat mengelakkan salah faham atau andaian yang tidak tepat di kalangan rakyat sebaliknya mereka perlu memandang positif terhadap usaha-usaha kerajaan.

4.2.6 Memberi Peringatan

Penggunaan pepatah "*kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan*" digunakan sebagai satu strategi pengucap untuk memberikan peringatan dan amaran kepada pihak-pihak tertentu khususnya orang luar supaya lebih peka terhadap pendirian Malaysia yang tegas dalam menghadapi krisis ekonomi dunia. Dalam hubungan ini, pengucap merujuk kepada ucapan Perdana Menteri yang memberi kata dua iaitu menggubal dan melaksanakan peraturan untuk pasaran urus niaga mata wang atau mengharamkan urus niaga tersebut sama sekali. Justeru, kata-kata yang berupa peringatan dan amaran ini secara tidak langsung membuktikan kepada pihak luar bahawa Malaysia memandang serius terhadap krisis ekonomi yang timbul dan akan mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasinya. Oleh yang demikian, pihak luar tidak harus memandang rendah terhadap kemampuan Malaysia atau menidakkannya dalam membangunkan semula pasaran ekonomi negara dan antarabangsa.

Selain itu, kiasan berbunga "*putaran kemakmuran*" bukan sekadar indah bahasanya tetapi di sebalik bahasa tersebut tersembunyi satu mesej yang ingin memberikan peringatan kepada rakyat supaya hendaklah berwaspada dengan kesenangan dan kemakmuran yang dikecapi pada hari ini. Perkataan "*putaran*" sudah cukup menjelaskan keadaan pasang-surut dan lumrah kehidupan yang ada

turun-naiknya. Oleh yang demikian, kiasan ini dapat mengingatkan rakyat supaya berhati-hati, berjimat-cermat dan menguruskan perbelanjaan dengan baik sebagai persediaan menghadapi apa jua kemungkinan. Penggunaan kiasan ini sangat berkesan dan mempunyai tarikan tersendiri. Walaupun pengucap menggunakan perkataan-perkataan biasa namun ia menepati realiti kehidupan dan sangat sinonim dengan budaya masyarakat.

4.2.7 Menempelak

Masyarakat Melayu sangat menitikberatkan nilai budi bahasa kerana ianya dianggap sebagai lambang kesopanan dan kehalusan budi pekerti masyarakat pendukungnya. Justeru, mereka sangat berhati-hati ketika menyampaikan maksud khususnya apabila menggunakan bahasa terus kerana dikhawatir akan menyinggung perasaan pendengar. Oleh yang demikian, kiasan digunakan sebagai salah satu cara untuk melahirkan hasrat hati. Misalnya, bidalan "*biar papa asal bergaya*" merupakan bidalan yang sering diperkatakan namun penggunaan bidalan ini tidak dilakukan secara rambang. Menyedari hakikat bahawa perasaan pendengar perlu dijaga maka pengucap mengatur strategi tersendiri khususnya apabila ingin menempelak sikap segelintir anggota masyarakat. Dalam hubungan ini, bidalan digunakan untuk menempelak sikap golongan yang sanggup berbelanja lebih walaupun di luar kemampuan. Akibatnya, golongan ini terpaksa berhutang dan menanggung risiko yang tinggi kerana tidak mampu membiayai perbelanjaan mereka. Mesej yang halus tetapi tajam ini boleh diterima oleh rakyat kerana pengucap tidak menghukum atau menuding jari sebaliknya meninggalkan mesej kepada rakyat supaya turut sama berfikir. Ini bermakna, pengucap tidak menyatakan

maksudnya secara terus-terang sebaliknya mewujudkan fenomena “*siapa makan cili dia lah terasa pedasnya*”.

Selain itu, kiasan terus “*saudagar kaya*” juga digunakan untuk mencapai agenda tersirat pengucap iaitu menempelak sikap segelintir ahli perniagaan atau usahawan yang suka bermegah-megah dengan barang buatan luar negara. Golongan ini didapati memandang rendah terhadap barang keluaran tempatan yang kononnya dikatakan tidak bermutu. Walau bagaimanapun, ini merupakan satu tuduhan dan penilaian yang tidak berdas kerana barang keluaran tempatan telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Justeru, pengucap mengambil peluang di dalam ucapannya untuk membetulkan keadaan ini dengan menggunakan kiasan “*saudagar kaya*” yang bertujuan untuk menempelak sikap mereka. Walau bagaimanapun, pengucap tidak menggunakan bahasa terus seperti ahli perniagaan, usahawan atau tokoh korporat kerana boleh menyinggung perasaan golongan tersebut yang mungkin mempunyai sikap berbeza dengan rakan-rakan mereka. Oleh yang demikian, pengucap memilih perkataan “*saudagar kaya*” biarpun ianya tidak menepati peredaran zaman namun perkataan ini berupaya untuk menempelak sikap negatif manusia yang terlalu leka dengan kekayaan sehingga tidak mempedulikan masalah orang lain khususnya apabila negara menghadapi krisis ekonomi negara.

4.2.8 Mengkritik

Dalam komponen komunikasi, norma interpretasi memainkan peranan yang penting dalam usaha menjayakan sesuatu interaksi. Pengucap perlu memahami peristiwa komunikasi dalam sesuatu masyarakat terutamanya yang berkait dengan budaya, adat dan kepercayaan. Dalam hubungan ini, kata-kata yang kasar dan boleh

menyinggung perasaan pendengar dianggap sebagai bahasa yang tidak beradab kerana ia bertentangan dengan budaya masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, mereka begitu cenderung menggunakan bahasa tak terus dalam komunikasi seperti kiasan Melayu bagi mengelakkan berlakunya konflik. Misalnya, kiasan terus “*saudagar kaya*” digunakan untuk mengkritik sikap sebahagian besar ahli perniagaan atau usahawan yang suka bermegah-megah dengan barang buatan luar negara dan memandang rendah kepada barang keluaran tempatan. Pengkaji percaya sekiranya pengucap menggunakan bahasa terus seperti ahli perniagaan atau usahawan maka ia boleh meyinggung perasaan golongan tersebut yang mungkin tidak bersikap sedemikian. Sebaliknya, kiasan “*saudagar kaya*” lebih sesuai digunakan bagi menggambarkan sikap negatif ahli perniagaan yang tidak peka terhadap krisis ekonomi negara.

Penggunaan bahasa kiasan sebagai strategi kritikan juga jelas apabila meninjau kepada perumpamaan “*sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang*”. Dalam perumpamaan ini, pengucap menyelar dan mengkritik sikap segelintir anggota masyarakat yang tidak mempunyai pendirian yang tetap dalam membuat keputusan sebaliknya mudah dihasut oleh orang lain. Akibatnya, golongan ini mudah diperdayakan oleh orang lain demi memenuhi kehendak peribadi mereka. Oleh yang demikian, rakyat mestilah berhati-hati supaya tidak tertipu dengan permainan muslihat mereka. Pengucap juga mengkritik sikap golongan tersebut yang tidak mempunyai sifat taat setia terhadap agama, bangsa dan negara sehingga sanggup melakukan apa sahaja termasuklah meruntuhkan kerajaan yang sedia ada.

Sebagai kesimpulannya, penggunaan kiasan Melayu dalam pengucapan awam merupakan satu strategi yang berkesan untuk memujuk, meminta simpati, menasihati, mempengaruhi, meyakinkan, memberi peringatan, menempelak dan mengkritik. Dalam hal ini, pengucap telah menggunakan kuasa di sebalik bahasa kiasan untuk mencapai matlamat peribadinya yang tidak dinyatakan secara terus-terang. Kewibawaan dan kebijaksanaan pengucap juga terserlah apabila berjaya merebut peluang dan kesempatan yang ada iaitu melalui ucapan yang terbuka untuk menyampaikan maklumat, matlamat, dan objektif kepada rakyat. Apatah lagi, ucapan tersebut akan disiarkan di dalam media elektronik dan media massa serta menjadi tumpuan semua pihak. Sememangnya, keupayaan pengucap memanipulasikan bahasa khususnya bahasa kiasan dapat mengelakkan kekasaran, diterima dengan mudah dan memberikan kesan yang mendalam kepada pendengar. Ini juga termasuklah dapat mengekalkan hubungan dua hala di antara pengucap dan rakyat.

Walau bagaimanapun, kejayaan atau keberkesanan penggunaan kiasan Melayu banyak bergantung kepada keperibadian atau kemampuan seseorang pengucap itu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, elemen-elemen seperti pengaruh, status, pangkat, kuasa dan imej merupakan faktor besar yang menyumbang kepada keberkesanan penggunaan kiasan Melayu dalam ucapan. Dalam hubungan ini, pengucap didapati mempunyai keperibadian, kuasa dan pengaruh besar di kalangan rakyat memandangkan beliau merupakan seorang tokoh politik yang terkenal. Oleh yang demikian, rakyat meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pengucap untuk menentukan hala tuju negara dan bangsa Malaysia. Justeru, penggunaan kiasan Melayu oleh pengucap dianggap sebagai kata-kata bermas bertepatan dengan mesej

yang terdapat di dalamnya serta membolehkan pengucap menggunakan pengaruhnya untuk menarik perhatian rakyat. Ini bermakna, pengucap telah menggunakan kuasa yang ada pada dirinya untuk menjana minda rakyat dengan pelbagai maklumat serta menyalurkan hasratnya yang tersembunyi melalui penggunaan kiasan Melayu.

4.3 Perbincangan Kritis Kekuatan dan Kelemahan dalam Teks Ucapan

Hasil analisis menunjukkan bahawa teks ucapan ini mengandungi beberapa kelebihan dan kelemahan yang boleh diperbaiki. Dalam hubungan ini, pengkaji tidak menafikan bahawa ucapan berbentuk belanjawan selalunya sarat dengan data, maklumat, perangkaan dan peratusan yang menunjukkan arah pergerakan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, elemen bahasa tetap menyumbangkan peranan yang besar dalam menjayakan sesuatu ucapan sekaligus dapat menarik perhatian pendengar.

Percubaan pengucap untuk mengetengahkan kiasan Melayu dalam teks ucapan yang berbentuk maklumat dan data seperti ini haruslah dipuji kerana ia memerlukan motivasi yang tinggi. Sememangnya, tidak ramai pengucap yang mahu mengetengahkan warisan tradisi Melayu ini kerana mereka merasa tidak yakin dengan kemampuan kiasan Melayu dalam mencetuskan anjakan paradigma masyarakat. Kebanyakan pengucap lebih suka memilih kaedah ucapan langsung atau berterus-terang bagi menyampaikan maksud atau isi hati mereka. Dalam hal ini, pengkaji tidak menafikan bahawa ucapan secara langsung atau terus-terang boleh mengelakkan kekeliruan dan salah faham. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah

keadaan, penggunaan bahasa tidak langsung seperti kiasan Melayu masih diperlukan terutamanya ketika mengkritik atau memperkatakan tentang isu-isu sensitif.

Penggunaan kiasan Melayu secara tidak langsung dapat mengangkat martabat dan jati diri orang Melayu yang bijaksana, lemah-lembut, halus pekerti dan bersopan-santun. Misalnya, perumpamaan “*ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara*” meninggalkan mesej dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat. Ia dapat mencetuskan kesedaran kepada masyarakat bahawa rasuah perlu dihapuskan kerana ia boleh menghancurkan tamadun bangsa dan negara. Selain itu, penggunaan pepatah “*biar papa asal bergaya*” yang digunakan dalam ucapan merupakan satu sindiran bijak dan tepat bagi menggambarkan sikap masyarakat yang boros ketika berbelanja. Kritikan yang halus dan tajam ini membolehkan maksud disampaikan dengan mudah tanpa menyinggung perasaan pendengar. Ini menepati budaya dan peradaban Timur yang sangat berhati-hati ketika menyampaikan maksud bagi mengelakkan berlakunya konflik.

Teks ucapan ini turut memuatkan falsafah Kung Fu Tze dan seloka penyair agung Tamil zaman silam iaitu Tiruvalluvar dari Madras selain daripada penggunaan kiasan Melayu. Misalnya, falsafah Kung Fu Tze “*Yang bijaksana tidak keliru. Yang berakh�ak tidak gundah gulana. Yang berani tidak gentar*” menggambarkan kejayaan seseorang hasil daripada kebijaksanaan, berakh�ak dan berani. Manakala Tiruvalluvar pula menyatakan “*Hikmah dan kebijaksanaan itu laksana perisai, melindungi dari seteru, kubu dalaman yang tak mungkin ditembusi oleh sebarang musuh*”. Seloka ini menekankan aspek kebijaksanaan dan sentiasa berhikmah apabila berhadapan dengan masalah dari pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar. Kepelbagaiannya kiasan, falsafah dan seloka jelas menunjukkan

keharmonian negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mengamalkan sikap hormat-menghormati dan toleransi serta bebas beragama. Dalam konteks kajian, sensitiviti pengucap terhadap kepelbagaian kaum di Malaysia menyebabkan penggunaan kiasan dipelbagaikan iaitu kiasan Melayu, falsafah Kung Fu Tze dan seloka Tamil. Ucapan ini seharusnya menjadi contoh kepada pengucap-pengucap lain supaya lebih peka terhadap khalayak mereka.

Selain itu, teks ucapan ini juga mantap dari segi pemilihan dan penggunaan bahasa. Terdapat perkataan-perkataan yang jarang digunakan tetapi telah diperkenalkan semula oleh pergucap seperti perkataan “*mustaid*” (sedia, lengkap siap), “*dampak*” (melanggar, membentur), “*tuntas*” (lengkap, bersifat menyeluruh) dan “*menggasir*” (gangsir). Berikutan daripada itu, perkataan-perkataan ini semakin meluas digunakan dan mendapat perhatian daripada semua pihak. Pengkaji percaya sekiranya perkataan-perkataan seperti mustaid, dampak, tuntas dan menggasir tidak diketengahkan maka lambat-laun ia akan terpinggir daripada perbendaharaan kata bahasa Melayu.

Isi kandungan Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998 bukan sahaja berasaskan kepada data, maklumat, perangkaan dan peratusan tetapi mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu mengemukakan fakta sejarah silam sebagai rujukan. Ini termasuklah mengambil iktibar daripada kisah Nabi Yusuf a.s., merujuk kepada surah al-Baqarah dan surah Yusuf serta Al-Quran. Rujukan terhadap sejarah silam dapat memberikan pengajaran dan peringatan kepada masyarakat supaya sentiasa berhati-hati dan bijak mengatur masa depan supaya tidak mengulangi kesilapan yang

sama. Generasi hari ini seharusnya mengutip pengalaman generasi terdahulu dalam usaha membangunkan sebuah tamadun yang gemilang.

Walau bagaimanapun, Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998 didapati mempunyai beberapa kelonggaran dan kelemahan yang boleh diperbaiki. Pengkaji mendapati pengucap ada mengeluarkan kenyataan yang menggambarkan seolah-olah manusia sering cuai, alpa dan berfikiran singkat dalam membuat keputusan. Selain itu, tindak-tanduk masyarakat hari ini dikatakan tidak sebijak masyarakat di zaman silam. Dalam hubungan ini, pengucap seharusnya lebih berhati-hati dalam mengeluarkan kenyataannya supaya tidak disalah anggap oleh pendengar. Ia juga boleh melemahkan semangat dan menimbulkan reaksi negatif di kalangan pendengar. Di antara kenyataan pengucap adalah:

1. Bahkan kemewahan boleh bertukar menjadi kegersangan, justeru kerana manusia sering cuai dan alpa, boros dan berfikiran singkat. (halaman 1)
2. Langkah bijak sejak tahun 1987, menghentikan amalan boros dan suka berhutang menyelamatkan kita dari beban pembayaran hutang yang bertambah akibat dari kejatuhan nilai ringgit. (halaman 3)

Pengkaji juga mendapati ada di antara kiasan Melayu yang digunakan itu memerlukan tahap pemikiran yang tinggi untuk difahami maksudnya. Misalnya, perumpamaan "*mereka ini lazimnya memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang*" dan perumpamaan "*mereka bergantayangan di kalangan masyarakat menjadi seperti dedalu api hingga ke pohon kayu, hingga ke batang, batangnya mati, hingga ke ranting, rantingnya patah*". Contoh-contoh kiasan ini memang menepati kehendak ucapan namun masih ramai yang tidak terdedah kepada maksud kiasan tersebut terutamanya

di kalangan masyarakat bukan Melayu. Justeru, adalah lebih baik jika pengucap menjelaskan maksud kiasan ini dengan lebih mendalam bagi mendapatkan kesan yang lebih baik selain daripada menyampaikan maksud.

Selain itu, pengkaji mendapati Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998 mengandungi kiasan yang menggunakan kata-kata yang berlebih-lebihan seperti mana penggunaan personifikasi "*badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina*". Walaupun, kiasan ini memberikan sifat-sifat manusia namun pengkaji berpendapat bahawa kata-kata yang berlebihan tidak diperlukan sebaliknya pengucap mungkin boleh menggunakan kiasan lain seperti bidalan yang lebih tepat dan jelas maksudnya. Kata-kata yang berlebihan ini juga boleh menimbulkan kekeliruan kepada pendengar sekaligus memberikan kesan yang sedikit. Ini bertepatan dengan pandangan Sulaiman Masri (1997:2) yang menyatakan bahawa hingar makna (kekacauan makna) boleh mengganggu proses komunikasi.

4.4 Permasalahan Kajian

4.4.1 Mengklasifikasikan Bentuk Kiasan

Masalah utama yang menjadi perhatian pengkaji ialah apabila hendak mengklasifikasikan bentuk kiasan. Ini kerana tidak banyak tokoh bahasa yang mengklasifikasikan binaan kiasan Melayu dan ini menimbulkan kesukaran terutamanya apabila hendak mengklasifikasikan bidalan dan pepatah. Hasil tinjauan yang dilakukan oleh Indirawati Zahid (1998: 979-980) menjelaskan bahawa hanya

tiga orang tokoh sahaja yang cuba melakukan pengelasan bidalan dan pepatah iaitu Za'ba dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu (1965), Md. Said Suleiman dalam Perian Basa (1991) dan Abdullah Hassan & Ainon Mohd. dalam Kamus Peribahasa Lengkap Utusan (1993). Tokoh-tokoh lain seperti R.O. Winstedt, Abdullah Hussain dan C. C. Brown hanya menggabungkan semua jenis peribahasa di bawah satu tajuk iaitu peribahasa ataupun mengasingkannya mengikut cabang tertentu seperti bidalan, simpulan dan perumpamaan. Fenomena ini menyebabkan fungsi dan bentuk peribahasa dipelbagaikan dan ditetapkan pengelasan tertentu walaupun keseragamannya tidak wujud.

Tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh-tokoh yang tersebut di atas membantu sekurang-kurangnya membezakan binaan yang wujud dalam kiasan Melayu. Namun, ianya masih belum mantap dan perlu diperkuuhkan lagi. Ini kerana adanya tumpang tindih kata kunci pengenalan aspek binaan peribahasa ini dan adanya pengulangan di bawah aspek lain yang dibincangkan. Ini tentunya akan mengelirukan pembaca dan menimbulkan salah faham apabila cuba mengelaskan sesuatu bentuk kiasan itu. Misalnya, Za'ba membezakan aspek bidalan dan pepatah melalui unsur pengajaran atau teladan yang terkandung di dalamnya. Hal ini menimbulkan kekeliruan dan sukar untuk dibezakan jika kebetulan kedua-dua aspek ini memasukkan unsur pengajaran. Justeru, timbulah persoalan apakah unsur yang menjadi intipati pembeza? Dalam kajian ini, pengkaji turut menghadapi masalah yang sama namun justifikasi terhadap ciri-ciri pepatah dan bidalan telah dilakukan dengan teliti dan cermat supaya pengkaji tidak tersilap membuat tafsiran.

4.4.2 Mengelaskan Jenis Kiasan

Pengkaji mendapati timbulnya kesukaran apabila hendak mengelaskan kiasan Melayu sama ada ia kiasan terus atau kiasan berbunga. Ini kerana tidak banyak keterangan tentang kiasan tersebut dan kalau ada pun penghuraian yang kabur serta tidak jelas. Bagi mengatasi kesukaran ini, pengkaji terpaksa menggunakan elemen-elemen seperti alam sekitar, item leksikal, objek dan pengamatan serta ketepatan makna yang didukunginya untuk membuat pengelasan.

4.4.3 Menghuraikan Maksud Kiasan

Maksud tersurat dan tersirat yang terkandung dalam sesuatu kiasan perlulah dihuraikan dengan tepat, mantap dan selari dengan peristiwa yang terdapat dalam teks ucapan. Kesilapan mentafsir maksud akan hanya menimbulkan kekeliruan dan mengubah maksud asal sesuatu kiasan itu. Walau bagaimanapun, pengkaji perlu akur bahawa setiap penghuraian adalah bersifat subjektif. Namun, maksud sebenar sesuatu kiasan itu perlulah dikenalkan supaya ia tidak bercanggah. Oleh yang demikian, pengkaji perlu meneliti dua elemen utama iaitu maksud sebenar kiasan dan kaitannya dengan peristiwa yang dipaparkan. Dalam hal ini, pengkaji perlulah mempunyai minda yang rasional, terbuka dan berpengetahuan. Tema dan mesej yang terdapat dalam kiasan perlu diinterpretasikan dengan jelas supaya pembaca mendapat idea keseluruhan yang mantap. Dari segi huraianya pula, pandangan individu adalah berbeza-beza mengikut kefahaman masing-masing kerana ia bersifat abstrak dan subjektif. Oleh yang demikian, pengkaji berusaha untuk mendalami kesemua 18 kiasan yang telah dikenal pasti bagi mencapai objektif kajian.